



07 APR, 2024

Anwar pesan JKDM, JIM sentiasa disiplin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Anwar pesan JKDM, JIM sentiasa disiplin

Pastikan tiada kecurangan menyebabkan kerugian kepada negara, kata beliau

KUALA LUMPUR: Semua anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), diingatkan untuk sentiasa bertugas dengan penuh disiplin dan integriti.

Pesanan itu disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada anggota penguat kuasa berkenaan, ketika membuat lawatan mengejut ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau

Pinang (LTAPP), kelmarin.

Menerusi catatan di Facebook semalam, Anwar juga mahu semua anggota berkenaan memastikan tiada lagi kecurangan berlaku, yang seterusnya boleh menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara.

Dalam hantaran sama yang turut disertakan dengan video rangkuman tinjauan Perdana Menteri ke LTAPP, Anwar berkata lawatan terbabit, bagi melihat send-

iri pengurusan dan fasiliti lapangan terbang serta penugasan anggota khususnya JKDM dan JIM.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika memengerusikan Taklimat Pembangunan Pulau Pinang di KOMTAR, sempena lawatannya ke negeri itu kelmarin dilapor berkata, pembesaran LTAPP merupakan antara perkara yang disentuh dalam taklimat tersebut.

— Bernama



07 APR, 2024

Anwar pesan JKDM, JIM sentiasa disiplin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pastikan tiada kecurangan menyebabkan kerugian kepada negara, kata beliau

KUALA LUMPUR: Semua anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), diingatkan untuk sentiasa bertugas dengan penuh disiplin dan integriti. Pesanan itu disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada anggota penguat kuasa berkenaan, ketika membuat lawatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau

Pinang (LTAPP), kelmarin.